



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 8/2020 (Pindaan No. 1)

1. Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 8/2020 telah dipinda seperti berikut:

1.1. Di perenggan 1,

Dengan menggantikan “(h) atau (i)” dengan “(h), (i) atau (l)”.

1.2. Dengan memasukkan perenggan baru 1A dan 1B selepas perenggan 1.

“1A. Jika suatu syarikat dalam kumpulan syarikat memperoleh mana-mana perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam butiran (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) atau (l) dalam ruang (2) dalam Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, dari mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama di luar Malaysia, perkhidmatan itu tidaklah menjadi perkhidmatan bercukai diimport.”

“1B. Jika suatu syarikat yang merupakan orang berdaftar asing (FRP) memberikan apa-apa perkhidmatan digital kepada mana-mana syarikat di Malaysia dalam kumpulan syarikat yang sama dengan orang berdaftar asing itu, perkhidmatan digital itu tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.”

1.3. Dengan memasukkan perenggan baru 2A selepas perenggan 2.

“2A. Jika orang berdaftar asing (FRP) memberikan apa-apa perkhidmatan digital kepada mana-mana orang di Malaysia di luar kumpulan syarikat orang berdaftar asing itu, perkhidmatan digital yang sama yang diberikan kepada mana-mana orang atau syarikat di Malaysia di luar atau di dalam kumpulan syarikat orang berdaftar asing itu hendaklah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.”

1.4. Di perenggan 4,

Pindaan hanya melibatkan pindaan ke atas versi Bahasa Inggeris sahaja.

1.5. Di perenggan 5,

- a) Dengan menggantikan perkataan “butiran (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h) atau (i) [(i) hingga (x)],” dengan “butiran (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g), (h), (i) [(i) hingga (x)] atau (l),” dan

- b) Dengan menggantikan perkataan “butiran (j), (k), (l) dan (m)” dengan “butiran (j) dan (k)”

1.6. Dengan memasukkan perenggan baru 5A dan 5B selepas perenggan 5

“5A. Perenggan 2, 3 dan 4 adalah tidak terpakai bagi perkhidmatan bercukai diimport yang diperolehi dari mana-mana syarikat dari kumpulan yang sama di luar Malaysia.”

“5B. Perenggan 3 dan 4 adalah tidak terpakai bagi penyediaan perkhidmatan digital oleh orang berdaftar asing (FRP) kepada kumpulan syarikat.”

1.7. Dengan memotong perenggan 9.

- 2. Pindaan ini berkuat kuasa mulai 14 Mei 2020 kecuali bagi butiran 1.4 yang dianggap berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA